



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN**

**NAMA KURSUS : MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN  
AMALAN**

**KOD KURSUS : DSM3193**

**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)

  - i. Bahagian A mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan.
  - ii. Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Tuliskan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam pembangunan gerakan kesatuan sekerja sebelum tahun 1940.

(10 markah)

b.

Perhubungan perindustrian tidak boleh wujud tanpa kesatuan sekerja.

Pernyataan 1

Berikan alasan-alasan yang menyokong pernyataan di atas.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Terangkan mana-mana **lima (5)** fungsi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM).

(10 markah)

- b. Jika kesatuan sekerja ingin menggunakan kaedah perdamaian dalam menangani konflik industri, pada saat bilakah kaedah ini sesuai digunakan?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jika anda mengetahui motif sosial dan hak adalah sebab pekerja menyertai kesatuan sekerja, bagaimanakah anda menentukan tuntutan ekonomi sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada penyertaan pekerja?

(10 markah)

- b. Pada pandangan anda, bagaimanakah Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) boleh membantu menyelesaikan masalah ahli kesatuan sekerja sektor swasta?

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Syed adalah Pegawai Perhubungan Perusahaan di Kuala Lumpur. Beliau diminta untuk menulis sepucuk surat untuk memaklumkan kepada Encik Mawi iaitu Pengerusi Kesatuan Sekerja Syarikat Kilat Sdn. Bhd. tentang penolakan permohonan pendaftaran kesatuan sekerja pekerja di syarikatnya. Tuliskan sepucuk surat kepada Encik Mawi tentang penolakan permohonan berkenaan dengan menyatakan alasan-alasan yang munasabah.

(10 markah)

- b. Kesatuan sekerja sepatutnya diuruskan oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh ahli-ahli melalui undian dan layak memegang jawatan berkenaan. Pada pandangan anda, apakah yang melayakkan seorang ahli kesatuan sekerja diterima menjadi seorang pegawai?

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Sediakan satu prosedur lengkap bagi mengadakan perundingan kolektif.  
(14 markah)
- b. Pihak mahkamah berhak untuk tidak memberikan perakuan kepada perjanjian kolektif sesebuah kesatuan sekerja. Jelaskan peruntukkan yang membolehkan mahkamah boleh menolak perakuan berkenaan.  
(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Bolehkah sesetengah perbuatan berkaitan dengan intimidasi dianggap salah?  
(13 markah)
- b. Huraikan kesan yang mungkin berlaku, seandainya pekerja melakukan mana-mana perbuatan yang dimaksudkan oleh soalan 4a?  
(7 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

